

13 JAN 2003

MAHATHIR-CHINA/I

M'SIA, CHINA SETUJU CARA BANTU LDC DI ASIA

PUTRAJAYA, 13 Jan (Bernama) -- Malaysia dan China telah bersetuju bahawa negara-negara lebih maju di Asia patut bekerja sama dan melabur di dalam negara-negara kurang maju di rantau ini untuk membantu merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi.

Persefahaman itu berikutan perbincangan antara Perdana Menteri Merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Naib Perdana Menteri China Li Lanqing di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Lanqing sedang dalam lawatan rasmi empat hari ke Malaysia atas undangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad, semasa ditemua oleh para pemberita selepas perjumpaan itu, berkata kedua-dua pemimpin mengambil ingatan bahawa lebih banyak usaha patut dilaksanakan untuk merangsang pelaburan di antara China dan negara-negara Asean.

"China berminat melabur di beberapa negara Asean. Mereka (pelabur China) juga mempelawa pelaburan kita di bidang-bidang yang boleh diusahakan bersama seperti minyak sawit mentah (MSM) dan komoditi-komoditi lain," kata Toyad.

Kedua-dua pemimpin bersetuju mempertingkatkan perdagangan dua hala yang akan melahirkan kedudukan sama-sama untung bagi kedua-dua negara dan juga bagi rantau ini.

"Mereka mempunyai peluang untuk bertukar-tukar idea dan pendapat mengenai bagaimana mengadakan kerjasama yang lebih kukuh, khususnya dalam perdagangan dan juga komitmen China kepada Asean+3, dan di peringkat serantau," kata Toyad. Setakat 2001, perdagangan Malaysia-China berjumlah AS\$10 bilion setiap tahun.

Beliau berkata China turut membayangkan minat terhadap banyak bidang di Malaysia manakala Malaysia, yang telah menunjukkan minat terhadap industri automobil China, berharap untuk lebih banyak keputusan yang positif.

Toyad berkata China telah bersetuju memperuntukkan AS\$2.5 juta (RM9.5 juta) untuk membeli MSM dari Malaysia, iaitu peningkatan kecil daripada AS\$2.3 juta bagi tahun lalu. -- BERNAMA

WNZ SHY OS